

10 JUN, 2021

## FAMA bantu pasar 300 tan labu manis

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA bantu pasar 300 tan labu manis

Kesukaran 145 pekebun jual hasil tanaman diatasi, elak lambakan buah

Oleh NORAWAZNI YUSOF

### KUANTAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang membantu memasarkan sebanyak 300 tan labu manis hasil tanaman 145 pekebun di daerah Pekan.

Pengaruhnya, Noh Nik Wan berkata, kesanggupan pekebun untuk menjual hasil kepada FAMA musim ini membolehkan FAMA membantu memasarkan pengeluaran hasil pertanian berkenaan.

MENDEPANI KRISI COVID-19:  
APA TINDAKAN KITA?

Menurutnya, kaedah itu juga dapat mengelakkan lambakan buah, selain kesukaran mereka untuk menjual hasil tanaman.

"Kita beli hasil mereka berdasarkan harga semasa dan kebanyakannya pekebun menjual hasil kepada FAMA setiap tahun.

"Musim kali ini Pusat Khidmat Pemasaran FAMA Kuantan telah menerima antara 10 hingga 11 tan labu untuk dipasarkan kepada peruncit termasuk pemborong dalam dan luar dari Pahang," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau menjelaskan kesemua 145 pekebun dari tiga kampung iaitu Kampung Pandan, Kampung Serun dan Kampung Merchong di daerah Pekan adalah peserta ladang kontrak pemasaran FAMA.



Noh melihat labu manis yang akan dipasarkan FAMA Pahang selepas membeli hasil itu daripada pekebun di daerah Pekan.

Katanya, setiap pekebun ladang kontrak pemasaran dibekalkan dengan bekas jaring hijau untuk mengisi buah labu di mana setiap satu diisi dengan buah seberat 20 kilogram yang akan dipindahkan ke lori.

Beliau menambah, aktiviti pemasaran labu di daerah ini dijangka berterusan selagi mendapat permintaan daripada pekebun.

"Program tanaman pokok berkenaan dilakukan secara

berperingka bagi mengelakkan berlaku lambakan buah dalam satu masa.

"Pada tahun lalu kita hanya dapat membantu memasarkan 250 tan labu manis atau labu emas 868 membabitkan kawasan tanaman seluas lebih 170 hektar," ujarnya.

Sehubungan itu, Noh berkata, pihaknya turut menyediakan bantuan benih, khidmat nasihat serta mengatur jadual menanam bermula awal tahun.

FAMA Pahang ujarnya akan terus berusaha membantu pekebun terutama membabitkan aktiviti pemasaran dalam memastikan mereka tidak berhadapan masalah hingga menyebabkan berlaku kerugian.

"Pekebun yang berhadapan dengan masalah untuk memasarkan hasil pertanian diminta menghubungi FAMA Pahang bagi menyelesaikan masalah dihadapi secara bersama," katanya.



10 JUN, 2021

## FAMA bantu pasar 300 tan labu manis

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kesukaran 145 pekebun jual hasil tanaman diatasi, elak lambakan buah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang membantu memasarkan sebanyak 300 tan labu manis hasil tanaman 145 pekebun di daerah Pekan. Pengarahnya, Noh Nik Wan berkata, kesanggupan pekebun untuk menjual hasil kepada FAMA musim ini membolehkan FAMA membantu memasarkan pengeluaran hasil pertanian berkenaan. KUANTAN

Menurutnya, kaedah itu juga dapat mengelakkan lambakan buah, selain kesukaran mereka untuk menjual hasil tanaman.